

SIKAP DAN MINAT SISWA PENDIDIK PISMP SEMESTER 7 MAJOR DAN ELEKTIF SUBJEK PENGAJIAN SOSIAL DI IPG KAMPUS ILMU KHAS TERHADAP PENGENALAN MATA PELAJARAN SEJARAH DI SEKOLAH RENDAH

Rosly bin Mohd Sani*, Uthayakumaran a/l Karupiah & Meor Aris bin Meor Hamzah

Abstrak

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauh manakah minat dan bakat siswa pendidik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Semester 7 terhadap mata pelajaran Sejarah sekolah rendah yang mula dilaksanakan pada tahun 2014. Siswa pendidik sebelum ini telah didedahkan dengan sukatan mata Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) serta Kajian Tempatan (KT) sebagai subjek kursus sama ada diperingkat major atau elektif. Kajian ini dijalankan ke atas siswa pendidik PISMP Semester 7 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Kaedah soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Data primer kajian diperolehi melalui dapatan soal selidik seperti yang dikemukakan kepada responden kajian. Seramai 104 orang siswa pendidik PISMP Semester 7 telah dipilih secara rawak daripada pelbagai aliran untuk menjawab soal selidik tersebut. Dapatan kajian melalui analisis secara deskriptif untuk sikap dan minat siswa pendidik PISMP terhadap mata pelajaran Sejarah adalah rendah iaitu min sikap = 2.3 dan min minat = 2.4. Ini memberi implikasi terhadap pelaksanaan mata pelajaran Sejarah sekolah rendah untuk kumpulan siswa pendidik PISMP Semester 7. Ini juga bererti siswa pendidik PISMP ini perlu diberikan latihan secara berterusan supaya sikap dan minat mereka terhadap mata pelajaran Sejarah akan dapat ditingkatkan.

Kata Kunci: sikap dan minat, siswa pendidik pismp semester 7, mata pelajaran sejarah sekolah rendah

Abstract

The study aims to determine the extent of interests and talents of the Semester 7 pre-service teachers from Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) regarding History (KSSR) subject in primary schools which began in 2014. These pre-service teachers had previously been exposed to the syllabus of Civic and Citizenship Education and Local Studies as a subject of the course, whether as the major or an elective course. Survey methods were used in this study. Primary data collected was through questionnaires. A total of 104 pre-service teachers were randomly selected from a variety of departments to answer the questionnaire. The findings reveal that the attitudes and interests of students to History is low. The mean for attitude is 2.3 while the mean for interests is 2.4. This has implications for the implementation of History subject in the primary schools. Therefore, these students need to be given continuous training to increase their attitude and interest for History and the teaching of this subject.

Key words: attitude and interests, pre-service teachers in semester 7 pismp, curriculum of history for primary school

*Email: rosly@ipik.edu.my